

Pemuda Indonesia dipenjara empat bulan kerana masuk secara haram, judi awam

KUCHING: Seorang pemuda warga Indonesia berusia 20 tahun dijatuhi hukuman penjara empat bulan semalam akibat memasuki negara ini tanpa pas sah, selain melakukan kesalahan berjudi di tempat awam.

Di Mahkamah Sesyen, Muhammad Yusuf Syuran mengaku bersalah di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, yang dihukum mengikut Seksyen 6(3) akta sama dan Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman penjara empat bulan terhadapnya.

Seksyen berkenaan membawa hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali serta sebatan tidak lebih daripada enam kali jika sabit kesalahan.

Sementara di Mahkamah Majistret, tertuduh dijatuhi hukuman penjara dua bulan oleh Majistret Leoria Dominic Mojiliu selepas dia mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953.



MENGAKU BERSALAH: Tertuduh (kiri) diiringi polis ketika berada di ruang legar hadapan Mahkamah Majistret Kuching, semalam.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjar maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara bagi tertuduh untuk dijalankan secara serentak dan mengarahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk

tindakan selanjutnya selesai menjalani hukuman.

Tertuduh didakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu di sebuah premis tidak bernama di Petra Jaya di sini, sekitar jam 9.15 malam pada 8 September lalu.

Mengikut fakta kes, polis yang bertindak atas risikan telah menyerbu kedai minum tersebut dan memeriksa tertuduh iaitu pembantu kedai minuman yang sedang duduk di meja kaunter kedai.

Polis seterusnya mendapati tertuduh melakukan kesalahan berjudi di tempat awam dan bertindak menahan tertuduh, selain merampas sebuah telefon pintar serta wang tunai berjumlah RM99.

Semasa tangkapan dibuat, polis juga mendapati tertuduh gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan masuk ke Malaysia.

Tertuduh yang beralamat di Sambas, Indonesia itu tidak diwakili peguam.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng.